

Ruj. kami : MQA 07/Jld.3 (73)

Tarikh : 28 JUN 2012

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 02/2012 – KOD AMALAN PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH (CODE OF PRACTICES FOR OPEN AND DISTANCE LEARNING, (ODL))

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama panel pakar daripada institusi yang aktif menjalankan pembelajaran secara ODL telah membina Kod Amalan ODL yang menggariskan amalan baik berkenaan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh.

3. Kod Amalan ini dibangunkan bagi membantu Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) memastikan kualiti program ODL setanding dengan program yang dilaksanakan secara konvensional. Untuk makluman, Kod Amalan ODL adalah dokumen sokongan kepada *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* dan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*. Dokumen ini tertakluk kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) dan juga dasar-dasar pengajian tinggi semasa.

4. Dokumen ini akan digunakan oleh MQA bagi tujuan penilaian dan menjadi panduan kepada PPT dalam melaksanakan amalan berkaitan pengendalian program ODL di institusi masing-masing. Justeru, penggunaannya adalah terpakai kepada semua PPT dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi dengan perincian seperti berikut:

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	1 Disember 2012	Semua permohonan baru yang memohon Akreditasi Sementara dan Akreditasi hendaklah mengguna pakai Kod Amalan ODL sepenuhnya bermula 1 Disember 2012 .
2.	1 Jun 2013	Semua program (sedang dinilai/telah mendapat Akreditasi) perlu mematuhi Kod Amalan ODL sepenuhnya bermula pada 1 Jun 2013 .


5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan. Walau bagaimanapun, PPT adalah digalakkan untuk menggunakan Kod Amalan ODL dalam penawaran program sebelum tarikh pematuhan dilaksanakan. Untuk makluman juga, kod amalan ini boleh dimuat turun melalui laman web MQA (www.mqa.gov.my).

6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling MQA Bil. 2/2012 – Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practices for Open and Distance Learning*, ODL) ini, Pekeliling MQA Bil. 1/2012 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Ikhlas,



(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044
No. Faks : 03-79569496
E-mel : syedahmad@mqa.gov.my